**JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN TAMAN NEGARA**
**(PERHILITAN) DEPARTMENT OF WILDLIFE AND NATIONAL PARKS**
**www.wildlife.gov.my**

# BORANG PENDAFTARAN MENJALANKAN PENANDAAN HIDUPAN LIAR
**Seksyen 45 (2) Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716]**

| BUTIRAN PEMOHON | | |
|---|---|---|
| **NAMA PEMOHON** | **NO. K.P/PASSPORT** | **NAMA SYARIKAT/KLINIK (JIKA BERKAITAN)** |
| **ALAMAT PEMOHON** | **NOMBOR TELEFON** | **ALAMAT SYARIKAT/KLINIK (JIKA BERKAITAN)** |
| **Pengalaman Menjalankan Penandaan:** | | |

**BUTIRAN PENANDAAN**

**Jenis Penandaan Yang Dapat Dijalankan (tandakan √ pada petak yang berkaitan):**

1. Pengimplanan peranti (mikrocip) boleh imbas ☐
2. Peletakan gelung (kolar, rantai) ☐
3. Peletakan cecincin (gelang) ☐
4. Penyucukan tatu ☐

| | |
|---|---|
| Saya mengakui bahawa segala maklumat yang diberikan adalah benar dan sekiranya pendaftaran ini diluluskan, saya akan mematuhi segala syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan PERHILITAN. | **Tandatangan Pemohon:** **Cop Syarikat/Klinik**<br><br>**Tarikh:** |

**SENARAI SEMAK YANG PERLU DIKEMUKAKAN OLEH PEMOHON**

**Tandakan√ pada petak yang berkaitan sahaja:**

- ☐ 1 Salinan kad pengenalan
- ☐ 1 Salinan SSM (bagi syarikat/klinik)
- ☐ 1 Salinan sijil pengesahan Doktor Veterinar
- ☐ 1 Salinan sijil kursus penandaan hidupan liar yang dikeluarkan oleh Jabatan PERHILITAN atau Jabatan Perkhidmatan Veterinar
- ☐ 1 Salinan lesen perniagaan hidupan liar
- ☐ 1 Salinan permit pengendalian zoo

****Borang ini hendaklah dibaca bersama dengan Lampiran A dan dikemukakan bersama Lampiran B**

**Lampiran A**

**TERMA RUJUKAN (*TERM OF REFERENCE – TOR*)BAGI PANEL PENANDAAN HIDUPAN LIAR JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN TAMAN NEGARA (PERHILITAN)**

1. Seksyen 45 (2), Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716] menyatakan bahawa penandaan atau pelabelan hidupan liar hanya boleh dilakukan oleh orang yang berdaftar dengan Ketua Pengarah.

2. Seksyen 3, Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716] mentafsirkan hidupan liar sebagai "*mana-mana spesies haiwan liar atau burung liar, sama ada yang dilindungi sepenuhnya atau dilindungi, vertebrata atau invertebrata, hidup atau mati, matang atau tidak matang dan sama ada boleh dijinakkan atau dibiakkan dalam kurungan atau tidak*".

3. Syarat-syarat kelayakan Panel Penandaan adalah seperti berikut:

   i. Individu yang telah didaftarkan di bawah Akta Doktor Veterinar 1974 [Akta 147], atau;
   ii. Pegawai dan penolong pegawai veterinar yang berkhidmat dengan Jabatan PERHILITAN atau;
   iii. Individu yang memiliki sijil kursus penandaan hidupan liar yang dikeluarkan oleh Jabatan PERHILITAN atau Jabatan Perkhidmatan Veterinar atau;
   iv. Pemegang lesen perniagaan Seksyen 9 (1)(d) Akta 716 serta telah mendapat sokongan daripada pengarah PERHILITAN negeri berdasarkan pengalaman pemohon berkaitan aktiviti penandaan hidupan liar atau;
   v. Syarikat atau individu yang berpengalaman serta telah mendapat sokongan daripada pengarah PERHILITAN negeri berdasarkan pengalaman pemohon berkaitan aktiviti penandaan hidupan liar atau;
   vi. Pemegang permit atau individu yang ditentukan oleh pemegang permit pengendalian zoo / pameran tetap / pembiakbakaan dalam kurungan komersial.

4. Panel hendaklah menandakan hidupan liar mengikut kaedah dan posisi penandaan seperti terkandung dalam **Jadual 1**.

   **Jadual 1:** Kaedah penandaan mengikut kelas hidupan liar

| Kategori | Kaedah | Posisi | Penandaan oleh |
|---|---|---|---|
| **Mamalia Besar** | Peranti (Mikrocip) | Bawah kulit belakang telinga kiri | Panel Penandaan |
| | **atau** | | |
| | Gelung (Kolar) | Leher | |
| | **atau** | | |
| | Penyucukan tatu | Bahagian dalam cuping telinga kiri | |
| **Mamalia Kecil** | Peranti (Mikrocip) | Bawah kulit paha kiri kaki belakang | |
| | **atau** | | |
| | Gelung (Kolar) | Leher | |
| | **atau** | | |
| | Penyucukan tatu | Bahagian dalam cuping telinga kiri | |
| **Reptilia** | Peranti (Mikrocip) | Bawah kulit paha kiri kaki belakang | |
| | **atau** | | |
| | Peranti (Mikrocip) | Bawah kulit bahagian tepi *cloaca* (Ular) | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | **atau** | | |
| | Label | Bekas | Pemilik |
| **Burung** | Cecincin (Gelang) | Kaki kiri | Panel Penandaan |
| | **atau** | | |
| | Peranti (Mikrocip) | Bawah kulit bahagian belakang pangkal leher | |
| | **atau** | | |
| | Gelung (Kolar) | Leher | |
| **Amfibia** | Peranti (Mikrocip) | Bawah kulit paha kiri kaki belakang | |
| | **atau** | | |
| | Label | Bekas | Pemilik |
| **Serangga / Gastropoda** | Label | Bekas | Pemilik |
| **Trofi** | Label | Ditanda pada tempat yang sesuai dan mudah dikesan | Jabatan PERHILITAN/ Pemilik trofi |
| **Daging Kering, Daging Basah dan Kulit Hidupan Liar** | Label | Bekas/ bahagian hidupan liar | Peniaga/ pemburu |

5. Panel perlu mengeluarkan resit atau bukti penandaan kepada individu/syarikat yang mengesahkan penandaan telah dilakukan di Panel terbabit.

6. Panel perlu menyimpan rekod penandaan bagi tujuan pemeriksaan oleh pihak Jabatan PERHILITAN.

7. Panel adalah bertangungjawab sepenuhnya kepada tindakan penandaan yang dilakukan. Tiada sebarang tindakan atau tuntutan boleh dibuat terhadap Jabatan oleh panel atau pihak ketiga atas pelantikan ini.

8. Jika sesebuah Panel tidak ingin meneruskan penandaan hidupan liar, ia boleh berbuat demikian dengan menulis surat kepada Ketua Pengarah Jabatan PERHILITAN.

9. Jabatan berhak untuk membatalkan pendaftaran ini sekiranya pihak tuan/puan didapati melakukan sebarang ketidakpatuhan.

10. Kos perkhidmatan penandaan adalah tidak berkaitan dengan Jabatan.

**Lampiran B**

JPHL&TN(IP):60-5-/22 (     )

**BORANG JAWAPAN PERSETUJUAN PENDAFTARAN DAN TERMA RUJUKAN PANEL PENANDAAN HIDUPAN LIAR JABATAN PERHILITAN**

Sila jawab melalui faks atau e-mel dengan kadar segera

No. Faks: 603-90752873

Ketua Pengarah
Ibu Pejabat
Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan
Taman Negara (Semenanjung Malaysia)
Km 10, Jalan Cheras
56100 Kuala Lumpur

---

Merujuk kepada surat yang telah diedarkan mengenai perkara di atas, saya ***bersetuju/ tidak bersetuju**(*potong mana yang tidak berkenaan)dengan pendaftaran dan terma rujukan sebagai panel penandaan hidupan liar Jabatan PERHILITAN.

Nama : ______________________________

No. kad pengenalan : ______________________________

Nama syarikat/ klinik : ______________________________
*(jika berkenaan)*

No. Telefon (HP) : ______________ No. Telefon (Pej); ______________

Email : ______________________________

Tandatangan : ______________ Tarikh: ______________

Cop syarikat/klinik :
*(jika berkenaan)*

---

**(Untuk Kegunaan Pejabat)**

| | |
|---|---|
| **Kod Panel** | |

| Kategori | |
|---|---|
| Klinik | |
| *Petshop* | |
| Zoo | |
| Pameran Tetap | |
| Pembiakbaka Komersial | |
| Taksidermi | |
| Lain-lain (Nyatakan) | |

| | |
|---|---|
| **Didaftarkan** | |
| **Tidak Didaftarkan** | |

Tarikh: